


DR. AZIZ JAMALUDIN MHD. TAHIR

HAKIKAT



PEMIKIRAN **POLITIK**

HASAN AL-BANNA

**MELURUSKAN SALAH FAHAM TERHADAP
PERANAN & AKTIVITI HASAN AL-BANNA**

Pengantar:

PROF. DR. SUDIRMAN M JOHAN, MA




28/10/2013

HAKIKAT
PEMIKIRAN
POLITIK
HASAN AL-BANNA

MELURUSKAN SALAH FAHAM TERHADAP
PERANAN & AKTIVITI HASAN AL-BANNA

YAB Dato' Sri,

^
Selamat Hari Ulang Tahun
Yang ke 60 ~


2

22/07/13



HAKIKAT PEMIKIRAN POLITIK HASAN AL-BANNA

MELURUSKAN SALAH FAHAM TERHADAP
PERANAN & AKTIVITI HASAN AL-BANNA

Dr. Aziz Jamaludin Mhd. Tahir

PUSTAKA PERDANA



1012858

Kuala Lumpur
2012



CETAKAN PERTAMA 2012

© Aziz Jamaludin Mhd Tahir

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada penerbit.

Penerbit :
Aziz Jamaludin Mhd Tahir
No. 9771 Jalan 2/1,
Kampung Melayu Kepong (FRIM)
52100 Kuala Lumpur

Dicetak oleh :
Infocus Printing Sdn Bhd
No. 11, Jalan PBS 14/14,
Taman Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 8945 4966

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam Penerbitan

Aziz Jamaludin Mhd Tahir, Datuk, 1954-

Hakikat pemikiran politik Hasan Al-Banna : meluruskan salah faham pemikiran & aktiviti politik Al-Banna / Aziz Jamaludin Mhd. Tahir;
Pengantar: Sudirman M Johan.

Bibliografi: ms

ISBN 978-967-11253-0-4

1. Banna, Hasan, 1906-1949. 2. Muslims--Egypt--Biography.
 2. Politicians--Egypt--Biography. 4. Muslim scholars--Egypt--Biography.
- I. Sudirman M. Johan. II. Judul
922.97

922.97

Kandungan

KATA PENGANTAR vii

PENDAHULUAN xiii

BAB 1 PENGENALAN 1

Latar Belakang 2

Pemikiran 10

Kelainan 12

Kerangka Teori 19

BAB 2 LATAR HIDUP HASAN AL-BANNA 47

Riwayat Hidup 48

Pendidikan Hasan Al-Banna 64

Aktiviti Keagamaan 68

Gerakan Dan Aktiviti Politik 72

**BAB 3 KONSEP SIYASAH SYAR'İYAH
MENURUT HASAN AL-BANNA** 87

Konsep *Siyasah Syar'iyah* 88


Siyasah Syar'iyah Dari Segi Bahasa 91

Siyasah Syar'iyah Dari Segi Istilah 93

Dasar Hukum *Naqli Siyasah Syar'iyah* 100

Dasar Al-Quran 102

Dasar Al-Sunnah 122



Dasar Hukum <i>Aqli Siyasah Syar'iyah</i>	129
<i>Ijmak</i> Ulama	131
<i>Ijtihad</i> Ulama	133
Kepentingan <i>Siyasah Syar'iyah</i> Dalam Kehidupan Manusia	137

BAB 4

KONSEPSI HASAN AL-BANNA TENTANG SIYASAH SYAR'IYAH DAN PENERAPANNYA DALAM SISTEM PEMERINTAHAN ..

Institusi Dan Bentuk Negara	146
Agama Asas Negara Islam	150
Sistem Pemerintahan	164
Ciri-ciri <i>Siyasah Syar'iyah</i>	175
Asas Akidah	176
Asas Moral	179
Prinsip Keadilan dan Persamaan	183
Hakikat Keadilan	183
Persamaan	190
<i>Maqasid Siyasah Syar'iyah</i> dalam Kenegaraan	192
Melaksanakan Syariat	194
Memelihara Kemaslahatan Manusia	199

BAB 5

PENUTUP

RUJUKAN

KATA PENGANTAR

ALHAMDULILLAH, syukur ke hadrat Allah SWT, selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad SAW. Dengan rahmat-Nya, karya ilmiah dengan judul, 'Hakikat Pemikiran Politik Hasan Al-Banna: Meluruskan Salah Faham Pemikiran dan Aktiviti Politik Hasan Al-Banna', menemui sidang pembaca.

Mustahaknya karya ini terletak pada kemampuan penulis mengemukakan profil Hasan al-Banna dan pemikirannya tentang *siyasah syar'iyah*. Hasan al-Banna merupakan seorang tokoh yang menggabungkan idea dan gagasan, wacana dan pemikiran dengan realiti dunia. Beliau merupakan seorang pemikir dan seorang yang berpengaruh dalam dunia politik, meskipun tidak terlibat secara langsung dalam perebutan kekuasaan. Hasan al-Banna juga dipandang sebagai teoris politik dan sekali gus, propagandis-Islam yang tersohor dalam kalangan masyarakat Mesir dan dunia Islam.

Antara hasil penting dari pemikiran Hasan al-Banna yang menjadi doktrin politik Ikhwanul Muslimin dan pengikutnya ialah konsep *siyasah syar'iyah*. Inti pati daripada *siyasah syar'iyah* yang menjadi fokus pembahasannya ialah sistem politik Islam yang mengatur semua dimensi kehidupan manusia. Dalam menyebarkan idea dan gagasannya tentang sistem politik Islam, pengasas Ikhwanul Muslimin ini menggunakan media dakwah yang cepat tersebar ke segenap lapisan masyarakat. Melalui dakwah, Hasan al-Banna membangkitkan kesedaran politik rakyat Mesir terutama semangat umat Islam untuk melepaskan diri daripada belenggu penjajahan yang telah mengakibatkan umat Islam terjatuh ke dalam jurang kemiskinan, keterbelakangan dan kebodohan. Bahkan, umat Islam terpenjara di dalam kejumudan dan kejahilan. Penjajah berusaha keras memasukkan fahaman sekularisme, liberalisme dan

kapitalisme, dengan matlamat agar umat Islam meninggalkan nilai-nilai keislamannya dan tunduk kepada kuasa politik kolonial.

Siyasah syar'iyah dalam ruang pemikiran Hasan al-Banna adalah dengan membumikan prinsip syariat Islam ke dalam institusi sosial masyarakat Mesir. Bagi menjayakan proses pembumian syariat Islam itu, Hasan al-Banna menggunakan Ikhwanul Muslimin sebagai medium yang dapat berinteraksi secara langsung dengan masyarakat. Jamaah Ikhwanul Muslimin mempunyai perwatakan yang ideal, tegas, berani, jujur dan tidak bertolak-ansur dalam melaksanakan dakwah. Selain itu jamaah Ikhwanul Muslimin juga ditunjang dengan modal intelektual, serta dapat berhubung baik dengan pelbagai lapisan masyarakat dan menyedarkan mereka agar kembali kepada sistem politik Islam yang holistik, merangkumi dimensi akidah, syariah dan akhlak.

Demi melaksanakan *siyasah syar'iyah* dalam sistem politik dan pemerintahan, Hasan al-Banna menggunakan pelbagai pendekatan, terutama yang berkaitan dengan dasar pentadbiran serta pelaksanaan peraturan dan undang-undang. Hasan al-Banna menyatakan bahawa *siyasah syar'iyah* merupakan suatu mekanisme dalam usaha membentuk tuntutan sosial yang stabil dan harmonis dalam kehidupan berbangsa dan bernegara. Oleh itu, kehadiran seorang pemimpin politik yang dilandasi spiritual keagamaan merupakan suatu kemestian, dan umat Islam harus mewujudkannya dalam sistem pemerintah. Hasan al-Banna mensyaratkan tiga asas yang menjadi teras kepada pemerintahan Islam. Pertama, tanggungjawab pemerintah: dalam melaksanakan tugasnya sebagai pemimpin, dia harus bertanggungjawab kepada Tuhan dan rakyatnya. Tanggungjawabnya sebagai pemimpin merupakan amanah daripada Tuhan, maka hendaklah dia mengurus segala urusan rakyatnya dengan penuh tanggungjawab. Kedua, kesatuan umat: umat Islam adalah umat yang satu dan dipersatukan dengan iman sebagai asas pegangan. Ketiga, menghormati aspirasi umat: ini bermakna seorang

pemimpin hendaklah sentiasa bergaul dan beramah mesra dengan rakyatnya. Ini membolehkan seorang pemimpin mendengar aspirasi dan keperluan rakyatnya.

Dalam merumuskan prinsip *siyasah syar'iyah* dan kaitannya dengan ideologi, Hasan al-Banna sentiasa menjadikan al-Quran sebagai dasar utamanya. Ini kerana al-Quran merupakan wahyu Ilahi yang mengandungi hukum-hukum dan peraturan-peraturan yang mengatur kehidupan manusia. Ayat *ilahiah* tidak hanya mengatur hal ehwal individu tetapi juga mengatur institusi sosial, keluarga, masyarakat termasuk dimensi politik dan peradaban. Al-Quran sebagai sumber *naqli siyasah syar'iyah* secara tegas menyatakan bahawa kedaulatan dalam semua aspek hanya berada dalam kekuasaan Allah. Allah juga yang mempunyai kekuasaan dan kedaulatan mutlak ke atas alam jagat raya. Manusia memang diberi kebebasan untuk berinovasi dalam menjalankan sistem pemerintahan dalam sesebuah negara. Akan tetapi kekuasaan manusia sangat terbatas kerana kekuasaan dan kedaulatan hakiki adalah milik Allah yang Maha Kuasa.

Meskipun Allah yang mempunyai kekuasaan secara '*de jure*' dalam pemerintah Islam, landasannya tetap mengacu kepada prinsip kedaulatan rakyat dan pemimpin negara (*Sultah madaniyah*) dengan bersumberkan kepada al-Quran dan sunnah. Sebuah negara yang mengikuti prinsip *siyasah syar'iyah* dalam membentuk institusi perwakilan rakyat atau majlis *al-Sha'b*, juga harus membentuk institusi ulama yang menjadi lembaga *tasyri'iyah* dalam mengambil keputusan hukum dari *nas* al-Quran dan hadis. Di samping itu, institusi ulama dapat melakukan *istiqra'* terhadap hasil *ijtihad* ulama-ulama salaf. Dengan prinsip *siyasah syar'iyah* ini, pemimpin dalam suatu pemerintahan dapat berjalan di atas peraturan dan hukum *ilahiah* dalam sistem negara Islam.

Al-Quran dan hadis sebagai asas *siyasah syar'iyah* yang dikemukakan oleh Hasan al-Banna, dijelaskan oleh Sayyid Quthb dalam bentuk

yang lebih terperinci. Beliau menyatakan al-Quran merupakan landasan utama terbentuknya masyarakat yang ideal. Daripada perspektif *siyasah syar'iyah*, pembentukan masyarakat dalam sistem negara Islam merupakan manifestasi kehendak Tuhan di atas bumi. Oleh itu, umat Islam yang mempunyai ideologi Islam hendaklah mewujudkan kehendak Tuhan, iaitu mendirikan suatu pemerintahan Islam yang berdasarkan al-Quran dan hadis kerana Allah telah memberi kuasa kepada umat manusia untuk mengatur dan memakmurkan bumi dalam rangka menjaga dan memelihara kemaslahatan manusia dan kehidupan duniawi.

Dalam *siyasah syar'iyah*, kepimpinan merupakan unsur yang penting dalam pemerintahan Islam. Kepimpinan dalam Islam bukan satu kedudukan yang harus direbut kerana kepimpinan itu merupakan amanah daripada Allah kepada manusia sebagai khalifah di Bumi. Amanah yang diterima oleh pemimpin harus dipertanggungjawabkan terhadap rakyat dan Allah. Dalam hal ini, menurut Hasan al-Banna, pelantikan seorang pemimpin dalam satu negara hendaklah berdasarkan *bai'ah* antara rakyat dengan pemimpin. Kontrak '*wakalah*' terikat dengan berbagai-bagai syarat. Substansi dari syarat-syarat itu adalah kewajiban kepada negara dalam melaksanakan tugas-tugas yang berhubungan dengan urusan umat. Umat pula mempunyai kewajiban untuk mematuhi dan membantu pemimpin dalam memelihara kemaslahatan orang ramai.

Menurut Hasan Al-Banna, penerapan syariat Islam dalam sistem pemerintahan suatu negara adalah suatu kewajiban kolektif umat Islam kerana syariat Islam bertujuan memelihara kemaslahatan manusia, sesuai dengan prinsip-prinsip *maqashid syari'ah*. Kemaslahatan yang hendak diwujudkan itu ada tiga aspek utama, iaitu kemaslahatan *dharuriyyah*, *hajjiah* dan *tahsiniah*. Kemaslahatan *dharuriyyah* merupakan kemaslahatan yang harus ada dalam kehidupan manusia yang dikategorikan sebagai keperluan primer.

Apabila hal ini tidak dipenuhi, nescaya kemaslahatan manusia akan terancam dan binasa. Oleh sebab itulah syariat Islam diturunkan untuk memelihara kemaslahatan umat manusia yang terangkum dalam *ushul al- khamsah*, iaitu memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta. Kelima-lima perkara ini dapat dipelihara dengan baik apabila sistem pemerintahan suatu negara menjalankan keadilan berdasarkan syariat Islam. Keperluan *hajjiah* adalah kemaslahatan yang diperlukan manusia untuk memperbaiki keperluan sekunder. Apabila perkara ini tidak dipenuhi, kemaslahatan manusia tidak terancam tetapi manusia mengalami kesulitan hidup. *Maqashid syari'ah* menghilangkan semua kesulitan yang dihadapi manusia. Sedangkan *tahsiniah* merupakan kemaslahatan yang merujuk kepada moral dan etika, menjaga martabat dan memelihara adat dan tradisi, dalam kehidupan masyarakat dan negara.

Idea dan gagasan Hasan al-Banna beberapa dekad yang lampau tetap hidup dan mempunyai pengaruh yang besar terhadap umat Islam yang berada di kawasan Timur Tengah. Hal ini dapat dilihat dari berbagai-bagai gejolak politik yang berlaku di dataran Arab, yang sentiasa mencari jalan keluar kembali kepada prinsip Islam. Dalam negara Mesir sendiri, Ikhwanul Muslimin telah menjadi platform yang kuat, sehingga ideologi politik Islam terus berkembang dari semasa ke semasa. Pada waktu berlakunya kebangkitan rakyat pada 2011, Ikhwanul Muslimin muncul sebagai kuasa politik yang paling sistematik. Pengaruh Ikhwanul Muslimin telah merebak ke kawasan Afrika Utara, dunia Arab dan kawasan Asia Tenggara serta kawasan Asia Selatan.

Memperhatikan secara saksama idea dan gagasan Hasan Al-Banna serta peranan Ikhwanul Muslimin di pentas politik Afrika Utara dan antarabangsa, dapat dinyatakan bahawa roh pemikiran *siyash syar'iyah* Hasan al-Banna serta landasan spiritual *maqasid syari'ah* sangat mempengaruhi ideologi politik umat Islam. Pengaruh itu amat penting untuk menata kehidupan masyarakat Islam, di tengah arus

deras ideologi politik sekular yang berakar dari fahaman liberalisme dan kapitalisme. Dalam konteks ini, tidak berlebihan jika dikatakan kajian ilmiah tentang *siyasah syar'iyah* sangat penting kerana telah mengungkap serta menggali rahsia ilmiah idea dan gagasan Hasan al-Banna tentang *siyasah syar'iyah* dan kaitannya dengan perkembangan politik masyarakat Islam dewasa ini.

Maka kehadiran buku yang disajikan oleh Dr Aziz Jamaluddin Mhd Tahir ini sebagai bahan bacaan yang mendalam dan kritikal, patut disambut dengan gembira. Buku ini kaya dengan nuansa pemikiran dan menawarkan pelbagai idea dan gagasan yang dapat menjadi renungan dalam mengaktifkan daya penalaran rasional para intelektual. Kehadiran buku ini dapat memperkaya khazanah intelektual dunia kampus dan masyarakat. Terlepas setuju atau tidak setuju terhadap gaya pemaparannya, yang jelas buku ini telah hadir di tengah-tengah masyarakat Islam Nusantara.

Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau

Prof. Dr H Sudirman M. Johan MA

PENDAHULUAN



"Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani."

Dengan menyebut nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Alhamdulillah, puji syukur ke hadirat Allah di atas segala limpahan kurnia nikmat, maunah dan anugerah-Nya sehingga buku ini berjaya diterbitkan dan hadir di hadapan sidang pembaca.

Anthony Black, pakar sejarah pemikiran politik di Universiti Dundee menyifatkan penubuhan Ikhwanul Muslimin oleh Hassan al-Banna pada tahun 1928 sebagai *"mendidik rakyat, meningkatkan standard hidup mereka, dan menyampaikan pesan pranata Islam - al-nizham al-Islami... menegaskan kembali visi Islam yang komprehensif, yang meliputi kehidupan politik, sosial, dan ekonomi."* Maka dalam keadaan bagaimanapun, Islam tidak dapat dipisahkan dalam apa pun bidangnya, kerana ia bukanlah sebuah sistem yang tunggal, Islam adalah cara hidup sebagaimana dibahas oleh Richard P Mitchell, di dalamnya mengandungi *"iman dan ritual, negara (wathan) dan kebangsaan, agama dan negara, spiritual dan amal, al-Qur'an dan pedang."*

Dalam memahami pemikiran Hasan al-Banna, yang bermula sebagai sebuah organisasi sosial dan agama, Ikhwanul Muslimin yang begitu cepat berkembang melangkaui tempat asal penubuhannya di Ismailiyyah, sebuah kawasan yang dikerumuni oleh ekspatriat British yang menguasai Terusan Suez, pertembungan nilai-nilai Barat dan sikap pemerintah yang terpaksa menerima tekanan penjajah, patriotism telah dipandang sebagai suatu kewajiban suci. Dengan meletakkan Mesir sebagai acuannya, manakala Palestin adalah negara yang perlu dikembalikan kepada pemiliknya setelah dirampas kejam oleh kelompok zionis yang berjuang atas utopia "tanah yang dijanjikan", Ikhwanul Muslimin mula menapak dalam konteks perjuangan yang lebih luas, iaitu melangkaui politik, hingga hampir ke semua lapangan, dari pendidikan kepada penerbitan akhbar, majalah dan

buku-buku hinggalah kepada penyebaran dakwah bagi memperbetulkan akidah umat Islam yang mula dikelirukan oleh sekularisme.

Dalam peristilahan politik, iaitu *siyasa syar'iyah*, penubuhan Ikhwanul Muslimin oleh Hassan al-Banna menjadi kerangka kebangkitan semangat dan gerakan Islam yang sangat besar, meskipun banyak halangan yang terpaksa dihadapinya. Kaedah berpolitik yang diterapkan oleh Hassan al-Banna amat berbeza yang para pemikir politik yang lain, kerana Hassan al-Banna melibatkan diri secara aktif, dan bukan hanya bertindak sebagai pemikir atau penasihat. Hasan al-Banna mempunyai kesungguhan dan tekad yang kuat, kerana Mesir akan dijadikan sebagai sebuah Negara Islam contoh dan kerana itulah struktur organisasi Ikhwanul Muslimin merupakan yang paling sistematik dan lengkap.

Usaha menegakkan institusi sosial, sistem pemerintahan dan negara Islam yang berpandukan syariat Islam, Hasan al-Banna bukan sahaja dinilai sebagai pelopor bahkan dalam banyak hal adalah seorang reformis, berjuang mengislahkan masyarakat Mesir daripada terus berada dalam keterpurukan dan kemunduran, tentunya boleh memanjangkan hayat penjajahan, membangkitkan konflik sektarian, krisis identiti kerana penjajahan itu sebenarnya turut meredah eksploitasi ekonomi dan budaya masyarakat setempat, yang akhirnya memenangkan budaya dan kehendak penjajah.

Ikhwanul Muslimin turut disifatkan sebagai “fenomena baharu” kerana dibentuk dalam struktur yang didokong massa, dan berorientasikan masyarakat urban dalam mengatasi kemunduran Islam. Setiap yang menganggotai Ikhwanul Muslim perlu melakukan bai'ah (mengangkat sumpah) kepada pemimpin, bagaimanapun, kaedahnya lebih bersifat dan mesra dan bukannya kekerasan. Proses memberikan keyakinan dan memperkuat pencarian membentuk Negara Islam bagi Hassan al-Banna dapat dilaksanakan jika semua perjuangan Ikhwanul Muslimin dapat diterima secara meluas. Pendekatan inilah yang membezakan dengan banyak pergerakan Islam yang wujud kemudiannya, kerana Hassan al-Banna yakin itulah kaedah terbaik yang muncul daripada sejarah permulaan penyebaran dakwah oleh Rasulullah SAW.

Dalam konteks semasa, pemikiran Hasan al-Banna seolah-olah berjaya menemukan momentumnya semula dengan merebaknya desakan demi desakan untuk menurunkan pemimpin secara meluas dalam *Arab Spring*, yang bermula di Tunisia dan kemudiannya merebak ke Mesir, Libya, Bahrain, Yaman, Qatar, Arab Saudi, dan kini masih belum menunjukkan tanda bilakah akan berakhir di Syria. Ini memberikan gambaran bahawa apa yang diberikan amaran oleh Hasan al-Banna lebih 70 tahun lalu, iaitu pemerintahan yang bobrok dan tidak meletakkan kepentingan rakyat sebagai keutamaan, akhirnya akan ditolak oleh rakyat, kerana kepimpinan itu adalah satu bentuk pengorbanan. Seorang pemimpin mestilah berjiwa besar dan mendahulukan rakyat mengatasi keperluan sendiri.

Tumpuan kajian ini adalah memahami konsep *siyasah syar'iyah* yang dibangunkan sebagai bentuk falsafah politik Ikhwanul Muslimin dan kaitannya dengan gaya kepimpinan Hasan Al-Banna yang menjadi pengasasnya. Pemahaman falsafah perjuangan itu adalah penting demi memahami sebuah model harakah Islamiah yang kembali hangat dibincangkan setelah awal abad ke-21, ketekalan demokrasi barat dan kapitalisme-liberal sedang dilanda rusuhan psikologi yang parah, hampir meruntuhkan ego sebuah sistem yang mantap manakala alternative dalam bentuk sistem perekonomian dan kewangan berteraskan Islamik mula bersinar. Hubungan ini juga menjadi sesuatu yang menarik, meskipun Islam dilihat sebagai suatu bentuk pertembungan budaya, ia tetap membawa maksud kebencian yang ditimbulkan itu bukanlah segala-galanya, kebencian itu jugalah mempercepatkan penerimaan lebih ramai masyarakat Eropah, dari keperluan untuk memahaminya hinggalah kepada mengaplikasikan prinsip-prinsip Islam dalam semua aspek kehidupan, termasuk mencari makna yang lebih baik dan harmoni dalam pendekatan politik, yakni aplikasi teori *siyasah syar'iyah* yang dirintis oleh Hasan Al-Banna menerusi pendekatan dakwah dalam memperjuangkan gagasan politiknya dan Ikhwanul Muslimin sebagai *pilot project* untuk merealisasikan negara Islam yang dicita-citakannya.

Kajian ini menggunakan kaedah penelitian secara kualitatif manakala bahan-bahan yang digunakan lebih bersifat penelitian kepustakaan (*library research*), yakni memfokuskan kepada karya-karya Hasan Al-Banna sebagai

sumber utama (*primary source*). Sumber utama ini kemudian dianalisis dengan menggunakan pendekatan deduktif dan induktif bagi menganalisis pemikiran dan karya-karya Hasan Al-Banna. Kaedah ini menjadi lebih penting karena tidak kesemuanya pemikiran Hasan Al-Banna merujuk kepada bidang *siyasah syar'iyah*.

Tidak seperti pemikir politik Islam lain yang hanya bersifat wacana, Hasan Al-Banna merupakan seorang tokoh yang berupaya menerapkannya ke dalam praktik sesuai dengan persekitaran politik semasa Mesir. Oleh sebab itu, Hasan Al-Banna dianggap sebagai ideolog, propagandis dan pendakwah yang penuh motivasi dalam menggerakkan aktivis Islam di dunia dengan doktrin politiknya yang dikenali dengan istilah *addin wa dawlah*. Menurut Hasan Al-Banna, Islam adalah agama yang sempurna (*syumul*), yakni merangkumi seluruh kitaran keperluan kehidupan, sama ada dari segi berkerajaan, bermasyarakat, berpolitik, urusan pentadbiran dan undang-undang, ekonomi, peradaban, akhlaq, kasih sayang dan keadilan, jihad dan dakwah. Faksafah Hasan Al-Banna tentang *sisayah syar'iyah* ini sekaligus tidak memberikan ruang kepada pengagum ideologi sekularisme bertapak di negara Islam.

Melalui organisasi Ikhwanul Muslimin misalnya, Hasan Al-Banna membayangkan, jika organisasi itu diberikan peluang untuk memimpin negara, maka syariat Islam tidak boleh dijadikan bahan tawar-menawar, ia wajib dilaksanakan sepenuhnya bagi membangun individu, masyarakat dan negara selaras dengan prinsip-prinsip Islam. Beberapa karakteristik *siyasah syar'iyah* seperti prinsip keadilan, moral, akidah, persamaan, musyawarah akan menjadi cakupan utama pemerintahan yang diperjuangkan oleh Hasan Al-Banna. Namun demikian, Hasan Al-Banna tidak menganggap penting sebuah nama dalam pemerintahan di negara Islam itu baik berupa sistem parlimen, kepresidenan maupun lembaga kesultanan. Apa yang penting adalah sistem pemerintahan itu tidak melanggar syariat Islam, dan tentunya mestilah bersumberkan kepada hukum ilahiah dan Sunnah Nabi sebagai bingkai utamanya, sekaligus menepati kehendak *maqashid syariah* dalam membangunkan kemaslahatan umat manusia terhadap kehidupan duniawi dan ukhrawi.

Bab 1

Pengenalan



LATAR BELAKANG

HASAN AL-BANNA merupakan seorang pemikir sekali gus pelaku dalam *siyasah* Islam moden. Meskipun pemikiran dan tindakannya dalam *siyasah* mendapat sokongan dan kritikan, namun apa yang digagasnya menjadi tema yang penting untuk dikaji. Sekurang-kurangnya, pemikirannya telah memberikan sumbangan bagi pencerahan *siyasah* Islam era moden, khususnya di kawasan Timur Tengah.

Setelah era kegemilangan pemerintahan Abbasiyah, dunia Islam pernah mengalami kemunduran yang cukup parah, kerana Islam tidak dipraktikan secara *kaffah*. Keadaan ini diakibatkan dengan berleluasanya aliran sufi yang dianuti oleh sebahagian besar umat Islam yang menganggap bahawa urusan duniawi tidak penting. Oleh sebab itu, mereka tidak responsif terhadap persoalan yang membelenggu umat Islam yang pada masa itu ketinggalan dalam segala aspek berbanding bangsa bukan Islam. Kelemahan dalam kalangan Islam ini diperburuk lagi dengan faktor luaran di mana Barat telah mencerooboh keutuhan dan kekuasaan wilayah dunia Islam melalui dasar imperialismenya dengan menjajah sebahagian besar dunia Islam. Ini seterusnya membawa kesan kepada merebaknya fahaman sekularisme di dunia Islam.

Meskipun Islam pasca Abbasiyah pernah bersatu di bawah pemerintahan Uthmani, kemunduran dan kelesuan umat Islam tidak dapat dihindari. Apatah lagi, kerajaan Uthmani kemudiannya jatuh akibat terjahan dominasi kaum sekular dan arus modenisasi yang menjadi cabaran terbesar Muslim pada era moden. Sementara dalam kalangan Islam sendiri,

gerakan Islam terpecah-pecah kepada pelbagai kelompok yang berbeza-beza, dan tidak bersatu dalam jemaah yang sama.¹

Beberapa elemen penting yang mewarnai gerakan Islam pada era kolonialisme ialah munculnya kesedaran tentang kebangkitan nasional dan perjuangan menuntut kemerdekaan yang digerakkan oleh pertubuhan Islam. Salah satu pertubuhan yang sangat penting itu adalah Ikhwanul Muslimin.² Pertubuhan ini diasaskan pada tahun 1928 di daerah Ismailiyyah Mesir.³ Pengasas pertubuhan

- 1 Salah satu keadaan yang menimpa umat Islam pada masa itu ialah berkembangnya pemikiran yang terpecah-pecah seperti yang terjadi pada *Jamaah Anshar Sunnah* yang hanya mementingkan sisi akidah, *jamiyyah syari'yyah*, yang hanya berorientasi kepada masalah ibadah, *Syubbanul muslimin*, yang hanya mementingkan aspek *jasadi, shufiyah* yang hanya mementingkan masalah *ruhiyah* dan wirid-wirid serta mengabaikan pentingnya kehidupan dunia.
- 2 Untuk penulisan seterusnya, cukup ditulis dengan Ikhwan untuk merujuk pertubuhan Ikhwan Muslimin. Selain sebagai masalah teknikal penulisan untuk mempersingkat nama pertubuhan, penggunaan istilah Ikhwan sendiri banyak dipakai dan 'direstui' sendiri oleh para pengikut Ikhwan yang selesa dengan istilah tersebut.
- 3 Tahun 1928 menjadi tahun yang disepakati oleh kebanyakan para pengkaji tentang sejarah terbentuknya Ikhwanul Muslimin. Ada pendapat lain yang mengatakan bahawa tahun 1929 sebagai tahun terbentuknya Ikhwan berdasarkan adanya perayaan 10 tahun Ikhwan pada Januari 1939 sebagaimana yang diperbetulkan oleh F. Rosenthal dalam karya yang berjudul, "*The Muslim Brethern of Egypt*". Namun begitu, kalangan dalaman Ikhwan sendiri, baik ahli jawatan kuasa mahupun ahli, meyakini tahun 1928 sebagai tahun penubuhan Ikhwanul Muslimin sebagaimana yang termaktub dalam Artikel 1 perlembagaan Ikhwan. Lihat Richard Paul Mitchel, *Masyarakat Al-Ikhwan Muslimin: Gerakan Dakwah Al-Ikhwan di Mata Cendekiawan Barat*, Solo: Era Intermedia, 2005, catatan kaki 19, h. 12. Ada juga penulis lain yang menyebut 1927 sebagai tahun penubuhan Ikhwan. Akan tetapi, nampak sekali kalau penulisan ini tidak tepat dan cenderung cuai dalam meletakkan tarikh sejarah pebunuhan Ikhwan. Ini kerana dari data yang tersedia, sama sekali tidak ada penetapan tahun 1927 sebagai tahun penubuhan

Ikhwanul Muslimin, Hasan al-Banna, merupakan seorang tokoh karismatik yang disebut oleh beberapa pengkaji dan kalangan akademik sebagai tokoh yang lahir sebagai perumus metodologi pemikiran keagamaan yang bebas daripada aliran keagamaan yang biasanya dijelmakan antara aliran reformis dan konservatif,⁴ menguasai multidisiplin keilmuan, dan penuh bakat sebagai penulis yang prolifik, penceramah yang disegani, pendakwah serta pemimpin yang gigih dan ikhlas tanpa mengenal takut.

Hasan al-Banna juga dianggap sebagai manifestasi pemimpin hebat kombinasi antara figura Ali bin Thalib yang memiliki hati mulia, dan otak secerdik Muawiyah dalam taktik dan strategi politik. Setiap bidang yang dikuasainya, Hasan al-Banna menonjolkan kualiti peribadinya yang sempurna.⁵

Kemunculan Ikhwan dalam gerakan dakwah dan dalam percaturan politik Mesir banyak diwarnai dengan masalah yang mempunyai impak secara langsung kepada masyarakat Mesir ketika itu. Penubuhan Ikhwan digerakkan oleh pemerintahan kolonial Inggeris, sistem monarki, perkembangan parti politik yang dinamik dan kekuatan massa sebagai agen perubahan sosial.⁶ Sejak menjajah Mesir

Ikhwan. Lihat, Zulkifili Mohamad Al-Bakri dan Mohd Faisal Fadzil, *Al-Syahid Hasan Al-Banna Pengasas Ikhwan Muslimin*, Ampang: Dawama Sdn Bhd, 2010, h. 64.

- 4 Rahmat Abdullah, Al-Ikhwan Al-Muslimun Madrasah dengan Sejumlah Besar Lulusan (Kata Pengantar), dalam Raa'uf Syalabi, *Diva Yang Tenang Lahirkan Ide yang Cemerlang*, Jakarta: Nuansa Press, 2005, h. 9.
- 5 Muhammad Abdul Qadir Abu Faris, *Fiqh Politik Hasan Al-Banna*, Surakarta: Media Insani Publishing, 2011, h. 11.
- 6 Utsman Abdul Aziz Muiz Ruslan, *Pendidikan Politik Ikhwanul Muslimin: Studi Analisis Evaluatif terhadap Proses Pendidikan Politik Ikhwan untuk para*

pada tahun 1882, Inggeris telah mendominasi semua aspek kehidupan masyarakat Mesir dan sistem pemerintahannya dengan menguasai sektor ekonomi, politik, budaya dan pendidikan. Menurut Hasan al-Banna, pendudukan Inggeris di Ismailiyyah menjadi pencetus kepada penubuhan Ikhwan yang dipandang akan membawa kepada kehidupan umat Islam yang jauh lebih baik dan untuk kemuliaan umat.

Kelahiran Hasan al-Banna dengan pertubuhan Ikhwannya telah membuka lembaran baharu dalam sejarah Mesir yang merupakan negara peradaban dunia yang tertua dalam lintas sejarah tamadun manusia. Sebagai negara yang masih dicengkam oleh penjajahan Inggeris, saat itu umat Islam di Mesir berdepan dengan keadaan yang rumit dalam berbagai-bagai segi kehidupan – ini berlaku kepada masyarakat, umumnya, dan umat Islam, khususnya. Umat Islam ketika itu dilanda pelbagai macam krisis spiritual sama ada yang bersifat duniawi (hedonistik) mahupun krisis psikologis-ideologis yang membawa kemunduran tenat akibat penjajahan. Islam dianggap sebagai identiti sosial semata-mata yang membawa implikasi jika tidak dilaksanakan secara bersungguh-sungguh segala ajaran dan prinsipnya dalam kehidupan sehari-hari.⁷

Anggota Khususnya dan Seluruh Masyarakat Mesir Umumnya dari Tahun 1928 hingga 1954, Solo: Era Intermedia, 2000, h. 143-150.

- 7 Sebagaimana yang menjadi ciri-ciri penjajahan di semua negara Islam, penjajah akan mengeluarkan dasar yang memisahkan antara urusan agama dengan urusan pemerintahan yang berakhir dengan merebaknya ideologi sekularisme di semua peringkat masyarakat, sehingga semakin menjauhkan umat Islam daripada agama. Penjajah menyedari bahawa agama Islam akan menjadi faktor penentu yang akan membangkitkan semangat anti-kolonialisme dalam kalangan rakyat. Oleh kerana itu, penjajah akan semaksima mungkin menyingkirkan elemen Islam daripada kehidupan umat, terutama yang berkaitan dengan aktiviti politik Islam.



HAKIKAT

PEMIKIRAN **POLITIK** HASAN AL-BANNA

FENOMENA kebangkitan rakyat telah menjadi kuasa yang cukup menggerunkan dewasa ini terutama merujuk kepada peristiwa yang berlaku di Tunisia, Mesir, Libya, Yaman dan beberapa negara lain di kawasan Timur Tengah. Kehendak rakyat yang sering digambarkan sebagai *vox populi vox dei* (suara rakyat, suara Tuhan), sinonim sebagai alat untuk mengawal tindakan kerajaan agar selaras dengan kebajikan dan keutamaan negara. Apa jua nama bentuk perubahan itu, sama ada transformasi, reformasi atau *islah*, semuanya mempunyai matlamat yang sama, iaitu memastikan kerajaan bersikap adil, telus, bertanggungjawab terhadap rakyat.

Ini yang cuba disampaikan oleh Hasan al-Banna melalui pemikirannya. Melalui buku ini, penulis mengupas pemikiran Hasan al-Banna tentang *siyasa syar'iyah*. Penulis cuba merungkai pemikiran politik Hasan al-Banna yang selama ini dipersepsikan sebagai tokoh yang menganjur pelbagai cara, termasuk revolusi, untuk menegakkan negara Islam. Berdasarkan analisis dan kajian yang dimuatkan dalam buku ini, pembaca akan mendapati bahawa Hasan al-Banna merupakan seorang yang fleksibel serta menolak kekerasan. Hasan al-Banna menegaskan bahawa tidak menjadi persoalan jika negara itu negara Islam, negara berparlimen, kesultanan, khilafah atau republik, sepanjang negara itu tidak melanggar syariah Islam dan meletakkan prinsip syariah Islam sebagai acuan utama.

Dr Aziz Jamaludin bin Mhd Tahir adalah Yang Dipertua Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM). Beliau mendapatkan gelaran Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Hukum Islam daripada Universitas Islam Negeri Sultan Syarif Kasim, Riau, Indonesia pada 2012 dengan predikat cumlaude.

Harga : RM19.90

ISBN 978-967-11253-0-4



9 789671 125304

